

# Tuduhan tidak berasas kemiskinan Melayu

**PUTRAJAYA 18 Nov.** -

Dakwaan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari bahawa kemiskinan masyarakat Melayu Pulau Pinang diwarisi daripada kepemimpinan Barisan Nasional (BN) adalah satu tuduhan tidak berasas.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kenyataan tersebut lebih menunjukkan bahawa Ahli Parlimen DAP itu sedang berhadapan dengan masalah identiti yang serius.

Beliau berkata, segala keburukan dan kelemahan di Pulau Pinang dikaitkan dengan kepemimpinan BN terdahulu, tetapi persoalannya mengapa segala kebaikan dan kejayaan di negeri tersebut tidak dinyatakan.

“Mengapa beliau (Zairil) tidak sebut kejayaan kaum Cina di Pulau Pinang adalah hasil yang ditinggalkan semasa pemerintahan BN di negeri tersebut? Sebenarnya dia memperlihat kecetekan pemikiran dan sifat perkaumannya.

“Kenyataan seperti itu perlu diteliti sedalam-dalamnya sebelum dihebahkan. Setiap permasalahan perlu dilihat secara menyeluruh dan bukannya menuding jari kepada mana-mana pihak,” katanya.

Beliau mengulas dakwaan Zairil yang menyatakan BN bertanggungjawab meletakkan orang Melayu dalam keadaan miskin di Pulau Pinang ketika ini.

Zairil yang merupakan Naib Penggerusi DAP Pulau Pinang turut mendakwa sejak pakatan pembangkang mengambil alih Pulau Pinang daripada BN pada tahun 2008, mereka telah bekerja keras untuk membasmi kemiskinan yang kebanyakannya melibatkan orang Melayu.

Terdahulu Ahmad Shabery merasmikan Seminar Kebangsaan Komunikasi Mudah Alih dan Pembangunan Luar Bandar anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.